

— Mereka berkewajipan bentuk masyarakat

POLIS DIPERLU UNTUK KENDALI UNDANG2 — PM

KUALA LUMPUR 29 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan masyarakat yang adil dan progresif memerlukan satu pasukan polis yang bertanggungjawab untuk menguatkuasa dan mengendalikn undang - undang negara dengan adil, teratur dan sempurna.

Katanya, sebagai salah sebuah jentera kerajaan, pasukan polis berkewajipan untuk memastikan pembentukan masyarakat yang adil dan progresif berasaskan kepada Rukunegara.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri mengingatkan pasukan polis supaya menjaga hubungan yang baik dengan masyarakat biasa.

"Ini akan membolehkan polis melaksanakan tanggungjawabnya dengan lincin dan memuaskan," kata beliau ketika berucap di perbarisan Hari Polis ke-179 di Pusat Latihan Polis di sini hari ini.

Menurutnya lagi, masyarakat akan bersimpati dan bekerjasama, dengan polis dalam usaha - usaha menentang musuh - musuh negara, mencegah jenayah dan sebagainya.

"Apabila menemui kerumitan, masyarakat akan lebih sanggup memberi maklumat terhadap kejadian - kejadian berkenaan yang berguna kepada polis," ujarnya.

Perdana Menteri berharap setiap anggota polis akan mengekalkan mutu disiplin dan ketertiban yang tinggi supaya mereka dihormati dan disanjung tinggi serta diyakini oleh masyarakat terhadap kerja - kerja yang mereka laksanakan.

"Yang penting ialah supaya Malaysia dapat me-

nikmati kestabilan, keselamatan dan keamanan. Hanya dalam suasana ini sahajalah negara dapat meningkatkan pembangunan ekonomi dan sosial yang akan dapat juga dinikmati oleh keluarga polis," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan semua pihak supaya terus meng-

enang jasa - jasa mereka yang terkorban dan cedera kerana menguatkuasakan undang - undang, melawan penjenayah dan umumnya mempertahankan kedaulatan negara.

Turut hadir di perbarisan hari ini ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Ketua Polis Negara,

Tan Sri Haniff Omar dan pegawai - pegawai kanan polis.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri telah memeriksa perbarisan dan menerima tabik hormat daripada 1,800 orang anggota polis dari 15 pasukan yang diketuai oleh Penolong Penguasa Polis Ishak Abdul Aziz.